**Tuan Wong Chen:** Baik, saya faham. Datuk Dr. Siti ya, kalau *internal process* itu tidak diikuti, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian? Sebab dalam kes ini, jelas daripada Encik Shahinuddin dan juga kita dengar dari prosiding lain juga bahawa tidak ada proses dia. Tidak ada minit, tidak ada *board approval, signed* sorang, *witness* dia *lawyer* untuk *the other side*. Tidak ada pakai peguam sendiri.

■1210

*I mean, these are very critical issues. So, if this happens in the future—lah kata, what is your kementerian position? What will you do? Will you not recognize the agreement? Is it unlawfully drafted? Is it unlawfully signed? Do you cancel it? Or do you then find the guy who signed it and, you know, charge him for corruption? I mean, this sign is an important thing. Kalau semua orang sign, tidak apalah, binding owners, mampuslah negara, you know.*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Di dalam *board* itu sepatutnya— saya tidak pasti ketika itu— sepatutnya ada audit dalam. Audit dalam ini yang akan *alert the board members*. Bila audit dalam *alert the board members, that is when they bring it to the kementerian*. Akan tetapi, ketika itu, saya tidak pasti ada audit dalam tidak di EMGS. [Disampuk] Belum ada audit dalam. Jadi, *that is why we have the audit dalam yang baharu. So, the connection between kementerian ialah wakil kementerian di dalam board tersebut and we are relying on audit dalam untuk membuat all those audit dalam. That is the...*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi dalam kes ini, bila berlaku pelanggaran, maksudnya testimoni daripada Encik Shahinuddin tadi sebagai pengarah bebas sebelum ini yang beliau tidak dimaklumkan dalam mesyuarat, jadi perkara ini telah berlarutan lima tahun contohnya. Jadi, benda ini tidak menimbulkan sebarang persoalan di peringkat kementerian kah? Atau *how do we resolve this kind of* masalah dengan kontrak yang berat sebelah ini?

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Yang ini telah dibawa ke pengetahuan kementerian setelah EMGS melaporkan kepada kementerian dan pihak kementerian dalam proseslah seperti yang Encik Shahinuddin sebutkan itu, *suit* dan juga— *in any companies, the board of directors are responsible. So, the board of directors at that particular point should be made responsible.* Yang itu yang saya rasa kementerian sedang melihat *how do we deal with the board of directors*. Sebab, sebagai sebuah syarikat, *board of directors* perlu melalui proses, kursus— *even though we don't know, tetapi we are accountable* sebab ini adalah sama seperti

di universiti. Di universiti, *the board of directors are made accountable for any wrongdoings. So, this, we need to go back to the board of directors.*

**Tuan Wong Chen:** Okey, baik. Datuk, *I really appreciate your attitude, going forward-lah. Betul tak? Now that you know there was a lot of anomaly, a lot of hanky-panky going on regarding this particular deal, at least through the process. What are you going to do about the KP that was there at that time? Is he retired? What action are you taking? Is it any thing or not?*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Saya beberapa kali sudah mencadangkan juga kepada *Chairman of the board. They need to call back this board of directors and they have to be made accountable even the KP at that particular point. I think Encik Shahinuddin is doing that, EMGS, because I was informed that the suit and all those things are being compiled.*

**Tuan Wong Chen:** KP sekarang ini sudah *retired* atau belum lagi?

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *He is now with MEA.*

**Tuan Wong Chen:** Ha?

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *KP terms is every three years and sekarang beliau berada di MEA.*

**Tuan Pengerusi:** *Apart daripada Dato' Rujhan punya suit against EMGS ini, ada lain tidak suit relating to employment sekarang ini?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ada lagi satu. Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Cuba ceritakan mengenai perkara tersebut.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I think that was towards the end of last year. Dato' Rujhan appointed a corporate strategist which did not comply with the headcount. That means there were no organizational structure to fit it in. So, he applies the Marketing Budget for that purpose. So, we thought that was anomaly. We stop him from actually reporting for duty and he is now filed a suit and we have received a mandate to settle the matter.*

**Tuan Pengerusi:** Siapa dia?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Encik Muammar Ghadaffi.

**Tuan Pengerusi:** Oh, okey. Bagaimana pula dengan seorang yang bernama Puan Rahimah?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Okay. There is no suit except for a letter of demand amounting to one million dollars in damages. Of course, it is questionable. Dia telah dibawa masuk oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan telah pun di-interview dan diberi satu representasi bahawa beliau akan menjadi Pengarah Kreatif dan Branding, satu department yang baru diluluskan oleh Lembaga Pengarah EMGS. Namun demikian, oleh sebab terdapat isu-isu salah faham dan personaliti yang mungkin tidak...*

**Tuan Pengerusi:** Macam mana tafsiran salah faham itu? Sebabnya, dia di-hire ataupun yang kata yang *sort of speak to her was your deputy*.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Apa maksud salah faham? Salah faham itu bermaksud...

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** No. I don't...

**Tuan Pengerusi:** Sebab saya nampak ada surat yang mana Encik Shahinuddin mengatakan bahawa tidak jadi kontrak tersebut.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya, betul. *You see, what was represented to me was then there is supposed to be a department, but my opinion is that, that department is only to serve EMGS to, in another words, translate and interpret EMGS punya kempen from time to time in so far as the event and the promotion is concerned. Akan tetapi, yang beliau cadangkan ialah kempen untuk the entire 400 universities. I don't think we can actually manage to do that because the kind of budget we carry, we cannot do those things. What they are hoping to have is that actually advertising in house unit that goes asking for business from one unit to another which I think this just not workable.*

**Tuan Wong Chen:** *Little bit confuse, sorry. Who are you referring to? Who is...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *This one is Puan Rahimah.*

**Tuan Wong Chen:** Puan Rahimah?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *The one who files the suit?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *She is not filed the suit.*

**Tuan Wong Chen:** *File the suit, demand one million dollars? What basis she demands a million dollars?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *On some reasonable expectation...*

**Tuan Wong Chen:** *For salary? She is...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No. Reasonable expectation.*

**Tuan Wong Chen:** *Salary?*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Rahimah dia *sent a demand letter to EMGS on the 12<sup>th</sup> of November for compensation as she has resigned from her work and expecting employment. Copies was sent to KSU dan KP jugalah mengenai perkara ini. Oleh sebab itulah bila dia telah menerima— the employment contract itu dia sudah terima, dia sudah signed. Dia sudah signed sudah dan return to EMGS pada 2 Oktober...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Which is out of time.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *What do you mean?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *It supposed to be return in seven days.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *So, she return after..?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *After two weeks.*

**Tuan Pengerusi:** *Selepas itu dia keluarkan surat kata tidak ada employment.*

**Tuan Wong Chen:** *You don't deny offering her employment?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No. We not.*

**Tuan Wong Chen:** *You don't, right? Her pay was how much supposed to be?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *For RM25,000, RM26,000 only.*

**Tuan Wong Chen:** *RM25,000, RM26,000. So, why did you not honour the employment other than that she ran out of time?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Because she wanted to bring an entire Advertising Unit which we cannot afford.*

**Tuan Pengerusi:** *Kenapa daripada awal tidak bagi tahu dengan dia yang employment is...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I didn't negotiate her terms. I didn't negotiate her proposal. I was too busy with dasar-dasar baharu yang akan di...*

**Tuan Pengerusi:** *Akan tetapi, you task you punya deputy yang untuk melaksanakan tugas ini. Macam mana?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya. I have no choice. Sorry?*

**Tuan Pengerusi:** *You task you punya deputy...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, of course. Of course.*

**Tuan Wong Chen:** *Normally, if I am the employer, I know exactly I need to hire accountant, I hire accountant-lah. I want to hire comms person, I hire comms person.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya. I only wanted one person.*

**Tuan Wong Chen:** *Ya. But you only issued one letter to one person, you didn't issue bring me 20 peoples to come in.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No. We issued two letters. But that's becomes her term. "I come in, I come with the whole unit." So, which is quite something else.*

**Tuan Wong Chen:** *Never mind. But this matter has not gone further than that, right?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No.*

**Tuan Wong Chen:** *So, I think we can more or less gauge that this is a semi frivolous suit. Will you say that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I believe so.*



**Tuan Wong Chen:** *Okay. We are concern really about two or three more issues that was raised to us by witnesses.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey. Sebelum masuk isu yang lain, saya hendak tutup fasal kontrak ini lagi. *Just* hendak dapat— sebab, benda ini berulang. Tidak habis-habis, lagi dan lagi.

Okey, saya hendak dapat pemahaman daripada kerajaan sendirilah. Maksudnya, kalau ada *public-private partnership* (PPP), sepatutnya kalau perkara itu melebihi RM5 juta nilainya ataupun, yang kedua, kontrak itu melebihi lima tahun, sepatutnya dirujuk kepada Unit Kerjasama Awam Swasta. *That is what my understanding is.*

■1220

Dalam situasi ini— ya lah, saya hendak mohon penjelasan sebab apabila dalam kontrak yang tidak mengikat dari awal berapa jumlah kontraknya, sedangkan kita tahu nilainya akan lebih daripada RM5 juta. *If not, there is no purpose for you to do the EMGS* sebab *you* hendak *attract the student* daripada luar negara dan sebagainya. Berdasarkan rekod, tahun lepas sahaja, keuntungannya ialah RM70 juta sebelum dibahagikan melalui...

**Seorang Ahli:** RM50 juta.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** RM50 juta yang sebelum dibahagikan kepada syarikat ketiga pula. *So, now*, kalau dari segi tadbir urus ataupun akauntabiliti, kementerian akan kata sudah lepas tangan. Ini antara syarikat. Sedangkan ini masih melibatkan mandat yang diberikan oleh kerajaan dan pada masa yang sama, jumlahnya agak besar.

*So*, saya hendak minta pandangan daripada Datuk KP ataupun kementerian sendirilah. *I really need to know how do you deal in this matter*, sebab *basically* memang EMGS punya kes sudah memang *screwed-up*. *After five, six years, I do not know what is you plan after this*. Akan tetapi, *we have to admit the contract* ini *failed and* berat sebelah kepada syarikat Scicom. Data semua kita tidak dapat dan sebagainya dan kita boleh *argue 'until the cows come home'*, siapa yang— memang benda ini berat sebelah dan sebagainya. Akan tetapi, *the very beginning* ini, *how do we overcome such problem again and again?* Kalau boleh kementerian untuk respons.

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Saya melihat kepada *way forward because things has happened*. Saya melihat itu yang salah satu daripadanya ialah memohon pihak KPM berada di dalam *board which I think for sometime* hari itu tidak ada langsung.

*I agree with you on the amount. Probably this is where the kementerian would have to put specifically certain amount.* Kalau di universiti itu, *even though the university is autonomous* tetapi *above certain amount, they have to bring it to the kementerian*. Saya setuju kalau *we look at this, EMGS has to bring this to the board that with any amount beyond RM5 million, they have*

to present it to the kementerian. Kelulusan KSU atau kementerian. *I think that is something that we need to look at.* Sebab, EMGS juga duduk di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi. Jadi, saya rasa *this is something that we need to improve on our part.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi, *moving forward* itu maksudnya kita kena ubah apa kalau tidak hendak perkara ini berlaku?

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Proses SOP nya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Siapa yang bertanggungjawab ke atas SOP ini?

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Ini ialah CEO sebab CEO yang akan *attend meeting* Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, maksudnya— *okay, I mean, we want to change the whole* dasar, polisi dan sebagainya. Cuma, kalau di peringkat ini, boleh tidak kita maksudnya sudah memang menjadi tanggungjawab kepada EMGS ini untuk perbaiki SOP dan bersetuju...

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Yes.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** ...Satu, supaya segala kelulusan kontrak ini kena dipersetujui dan dibentangkan dalam BOD. Kedua, mana-mana dari segi nilainya, bukan hanya *profit sharing* dan sebagainya, *but when you accumulate within a year is much more than the RM5 million, we makes it compulsory, the kementerian has to give the approval first before someone from the company to sign it. Because, you are 100 percent owned by the kementerian.*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Yes. *And also I think the process need to be much more thorough. The contract has to go through the PUU of kementerian as well sebab currently, the due diligence is being done by the company alone on the contract. So, if it goes to the PUU kementerian, then, such thing will not happen.*

**Tuan Wong Chen:** *Okay, Datuk, can I just ask this? There is a guideline on tender, there is a guideline for procurement that is issued by the MoF. Betul?*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** Yes untuk kementerian.

**Tuan Wong Chen:** *But how come it doesn't bind the companies that are 100 percent owned by the kementerian?*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *This is because it's a company. They have their own M&A.*

**Tuan Wong Chen:** *So, shouldn't you all report back to MoF and say it should bind lah? I mean, you know... [Ketawa] Isn't it?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No, but we do. Ever since I have taken over, I am makes a point for the board to adopt all the circulars.*

**Tuan Wong Chen:** *I see. So, can I have the AG Offices or the MoF on the back of me, the ex-officio, to gives a bit of comment regarding tender procedure and rules? Whether there is any intention by the ministers involved to extend it to company owned 100 percent by the ministry? [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*Bear in mind, a month ago, your MoF people come and tell me that there is no changed in the tender process or guideline from the old previous government. That's mean Pakatan Harapan has not delivered yet on the new guideline and procedure on tender. Then, the negotiated tender is still being practice openly.*

*Now, we are looking at the tender process of a private company owned 100 percent by the government. So, I want to know what is the pendirian of MoF and also the AG Office, if involve, on this matter?*

**Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC), Kementerian Kewangan]:** *Tuan Pengerusi, untuk syarikat 100 percent dibiayai oleh kerajaan, sebenarnya tarafnya sama dengan mana-mana agensi yang ia ada opsyen untuk memilih untuk adopt sepenuhnya prosedur kerajaan ataupun ia ada garis panduan tersendiri.*

*So, kalau ia ada yang tersendiri... [Disampuk] Ia ada opsyen, yang mana SOP nya perlu diluluskan and dibentangkan ke board lah. Kalau board luluskan prosedur tersendiri, so, ia kena follow 100 percent prosedur dalaman. Akan tetapi, kalau ia hendak follow 100 percent government pun ia boleh follow dan pastikan semuanya mematuhi.*

**Tuan Wong Chen:** *Okay, on record I ask the Chairperson, kawan baik saya ini, Yang Berhormat Parit Sulong. We should make a recommendation to the Federal Government that this option be taken away because it's ridiculous. Because, this case is clearly a case where the system has failed, the checks and balances is completely 'koyak'. Tidak ada internal audit, you know, tidak ada lawyer sendiri, ya. I don't know who authorize this thing to sign and so on and so forth. So, this thing must go back to the Federal Government at the highest level in the Cabinet to change this and remove the option.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *On the same note daripada Yang Berhormat Subang, ini pun recommendation. Nanti Encik Johan kena— sebab kadang-kadang kita terlepas pandang untuk dimasukkan.*

*Akan tetapi, opsyen itu, saya kalau terpaksa dibuat, maksudnya sebab mungkin syarikat ini khusus untuk sesuatu perkara, it must be tighter ataupun lebih mengikat daripada kaedah kerajaan. You cannot go lower that standard. I mean, if you really need, it is actually addition. It*

*cannot be removing certain elements. If you want to, you add further because some syarikat ini very specific. Kita ikat lagi ketat.*

**Tuan Wong Chen:** *Saya setuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru. Because, kementerian is directly accountable to us. Sometimes, we meet private companies that is owned at different layers— two, three layers down at the kementerian— and then we find out JAN tell us, ia tidak boleh investigate pun, tidak boleh audit pun. We have those kinds of the technical issue also. So, in fact, he is absolutely correct, Yang Berhormat Johor Bahru is correct, we have to make it even harder and more stringent.*

**Puan Azreen binti Awang:** *Tambahan, Yang Berhormat. Kebanyakan yang ada garis panduan dalaman sendiri, memang dia at minimum kena ikut peraturan kerajaan dan dia ada ekstra lagi untuk kawalan dalaman. Kebiasaannya, memang macam itu.*

**Tuan Wong Chen:** *Kalau over here?*

**Puan Azreen binti Awang:** *Itu saya kena semak.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No. Currently, tidak— sorry. Since I took over, I think we have installed everything— SOP, governance and all that. I think everything is 'green'. You can— as I have undertaken to deliver by November. Except for, I think you would have notice, on Check Out Memo. I think there's a lot of misunderstanding about how the Check Out Memo works.*

*Check Out Memo is a convention that the Immigration Department exercises throughout the world. It is the memo that show the student leaving the country. So, as it is, today, the Check Out Memo is optional, whether you filed with us or at the branch of Immigration Department anywhere in the country.*

*So, some of the universities that is out of Kuala Lumpur would prefer to file it— let's say maybe Universiti Tun Hussein Onn Malaysia will file in Batu Pahat and UMT will file in Terengganu, but they are not online. We cannot access them because of the firewall. So, we cannot reconcile the data between those leaving and our own personal data.*

*But now, under the new liberalization policies, all Check Out Memo must be filed with us digitally through the web. So, instantly, we will know the number of the student leaving the country.*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *Tuan Pengerusi, can I just...*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, ya. Silakan.*

**Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir:** *I believe one way to improve this processes is like what we have in the universities where we have one of the representative from MoF on board. Because, those officers from MoF, they are familiar with all of this process. They are the one who*

*keep on alerting us at the university. This is the way to do it, this is to follow. Because, most of us are not familiar with the MoF processes. So, that is one way I think that will help in the future. Thank you.*

■1230

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak berpindah kepada soalan lain pula. Saya dapati bahawa pada 26 September 2018, ada satu surat yang ditujukan kepada CEO EMGS dan saya kira ini adalah Encik Shahinuddin mengenai arahan melantik pegawai kontrak untuk ditempatkan di Pejabat Menteri. Jadinya, boleh tidak *elaborate further on this matter*?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Pegawai kontrak? Okey.

**Tuan Pengerusi:** Pegawai kontrak itu adalah Encik Khairul Faizi Khalid.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Oh, dia tidak ada sudah. Dia sudah berhenti sudah. Saya sudah nasihatkan dia berhenti.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi boleh ceritakan tidak?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Ini berlaku *in 2018*. Sebelum saya masuk saya rasa.

**Tuan Wong Chen:** *Yeah, you join in 2019, you are saying. Right? Are you aware on this matter?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Became aware sometime in March, I think. Then, I said this a bit irregular. So, I advise him to resign lah.*

**Tuan Wong Chen:** *So, is he resign?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, he has resigned.*

**Tuan Pengerusi:** Apa tugas dia sebenarnya?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *He is supposed to be liaison between us and the ministry.*

**Tuan Wong Chen:** *But did he come to work in your office?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, of course. He reports every week.*

**Tuan Wong Chen:** *Once a week?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Once a week.*

**Tuan Wong Chen:** *So, he spent all his time in the minister's office?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That's right.*

**Tuan Wong Chen:** *That is the problem lah. Because we have a testimony on...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *But, I think, Dato' Dr. KSU has already explained that position and he has already advice the Yang Berhormat Menteri that the procedure is for him to write to Prime Minister for consent to do those things. I believe he has written. Whether the consent had been granted, his unaware of that.*

**Tuan Wong Chen:** *But, he cannot turn back the clock. That's mean he appointed the person without the consent. Now, to regularize the thing, he is been asked to write a letter to the Prime Minister for consent. It doesn't negate the fault that he made.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I don't know when the letter was written.*

**Tuan Wong Chen:** *No, no. I mean the advice— first, you got the point to guide him first lah. This is logic of things. When this witness testified and said that this is highly irregular, then the KSU advice the Minister to write a letter to regularize it.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That's right.*

**Tuan Wong Chen:** *But the act of regularizing it, you don't know lah whether that's happened?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *That's right.*

**Tuan Wong Chen:** *But definitely this guy has been removed and been terminated. But regularizing something doesn't turn back the clock to make it legal in the first place. That's what I am saying. I am just making a point lah. Not asking for your opinion. Thanks.*

*There are also allegation that other peoples appointed the same way. Are you aware?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Not aware.*

**Tuan Pengerusi:** *Lagi? Yang Berhormat Johor Bahru.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *Saya cuma...*

**Tuan Wong Chen:** *Chairperson, sorry. The name is like the Libyan leader, Muammar Gadaffi.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Oh, no. That's the one that we had filed a suit.*

**Tuan Pengerusi:** *They filed a suit.*

**Tuan Wong Chen:** *They filed a suit? Can you explain that a little bit?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *He was brought in by Dato' Rujhan when he was a CEO. That was a late last year. Then, there was no headcount for him to be employed as a strategic planner. Then, when the new management took over, his appointment was terminated just one day or two days before he actually reported. So, he felt that he suffered a lot, so, he filed a suit. We are mandated now to negotiate for settlement.*

**Tuan Wong Chen:** *Are you saying that Muammar Gadaffi's appointment was illegal or improper?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Improper because there were no headcount for him. In fact, his remuneration was designated from the marketing budget to be used to pay his salary which is not proper.*

**Tuan Pengerusi:** *Yang Berhormat Johor Bahru.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, saya cuma hendak tanya dari segi pelantikan *new Chair of Board of Directors*. Siapa sekarang?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Dato' Abdul Rahman Mohamed Shariff.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Siapa yang buat lantikan?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Lantikan *is from the board*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Maksudnya *board* yang *recommend* kah atau daripada kementerian?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No, the board must— any company, the board must appoint upon the recommendation of the Minister.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, ada surat daripada *Minister* yang mencalonkan beliau sebagai *Chairman*?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Yes, of course. Nominate* dia.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *Nominate*. Apa dia punya *background*?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I think he is in oil and gas business.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Apa kaitan dari segi latar belakang? Selalunya, ya lah, *you* ambil *Chairman* ini mesti ada yang seorang mahir ataupun faham dari segi industri tersebut. Boleh bagi penjelasan sedikit?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I cannot answer for that. That is the discretion of the Minister.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Daripada kementerian tidak pernah dikemukakan? So, memang itu adalah *nomination by* Menteri walaupun kita tidak tahu— memanglah latar belakang beliau daripada *oil and gas* daripada syarikat Dyanc Sdn Bhd. *Any reason why he's being promoted as a Chairman*?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I don't know.*

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak Encik Shahinuddin menyatakan kepada kita semua *how's your relationship* dengan *Chairman* sekarang?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *My relationship has always remain professional. He comes to the board meeting, he deliberated the policy and we accept or it will be resolved to accept or otherwise. In fact, there are certain things that I may not agree, I already express to him. One of it is that—*

*In fact, baru-baru ini pun we are trying to build an alternative system for the entry of student in Sabah and Sarawak. Similar system but it's a whole lot cheaper and far more advance. I've told him very clearly that all this proceeding in relation to the contract, they must be present at least representative from KPM. I think we take cognizant of the recommendation by the Auditor*

*General and corporate governance. So, he has not done anything other than to discuss but not make any decision to that effect. So, ada juga dia dengar, bukan dia tidak dengar.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Adakah Encik Shah pernah mengenali beliau sebelum beliau dilantik sebagai *Chairman*? Memang tidak kenal dari segi mana?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I never know him.*

**Tuan Wong Chen:** Encik Shah, *do you know this person name Akhramsyah Muammar Ubaidah?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I only met him on the board.*

**Tuan Wong Chen:** *He is on the board?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *He is on the board.*

**Tuan Wong Chen:** *There is allegation that his appoint to the board not through proper process. What do you say to that?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I don't think that is possible. He is appointed by the board. There is a letter from the Minister. Otherwise, SSM would not approve it.*

**Tuan Wong Chen:** *Does Minister have authority to appoint someone into you EMGS's board?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *The Minister can nominate.*

**Tuan Wong Chen:** *Can nominate.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya. In fact, all the board members, the Minister must consent. I mean, CLBG rules.*

**Tuan Pengerusi:** Saya juga dimaklumkan bahawa pejabat *the current CEO* ini sama bangunan dengan pejabat EMGS. Adakah benda itu betul?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Sorry. The current Chairman?*

**Tuan Pengerusi:** *The current Chairman.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Quite coincidental.*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh detilkan lagi sikit tidak dia punya *coincidental*? Dekat mana pejabat itu?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Oh, dia on the 10<sup>th</sup> floor, we are in 21<sup>st</sup> floor.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dia syarikat apa dekat situ?

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** Dynac.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dynac lah.

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *They have been there for quite number of years pun.*



**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *Since you are there from very beginning— siapa sampai dulu dekat situ, menara itu?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Tidak pernah jumpa dia pun.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *I mean at least syarikat itu memang wujud for quite sometimes. Maybe he knows sebab kekosongan.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I presume so. I don't go that very often. I only go there for board meeting.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey, ini ada lagi satu mengenai penyalahgunaan kuasa menggunakan kad CEO untuk perjalanan rasmi Yang Berhormat Menteri. Bolehkah elaborate mengenai ada satu payment authorization form perjalanan Menteri ke Sheffield?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I have no idea. That was done before I came in but the claim was made later. I have no idea about the claim and all that.*

**Tuan Wong Chen:** *But now you aware of that claim?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Now, yeah, of course.*

**Tuan Wong Chen:** *Have you investigate into the matter?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I think that was raised by JAN.*

**Tuan Wong Chen:** *Yeah, precisely. JAN raised it and you are supposed to give reply to it, my friend. What is your reply?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I asked him. He said, he got some work to do for EMGS. I mean, that's his explanation. So, I take it.*

**Tuan Wong Chen:** *He? You mean the Minister told you? Isn't?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *No, no. He is the Chairman. I took it in the good faith. I have no reason to...*

**Tuan Wong Chen:** *No. But this is a bill allegedly...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I have never even seen the bill.*

**Tuan Wong Chen:** *The Minister took a trip to Sheffield on his personal capacity that is paid by EMGS. Now, that is JAN's findings. So, they have asked you and what have you done to look into this matter?*

■1240

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I am not aware that they have asked me to do so. [Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** *Okay. But you are aware of this issue?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya, ya.*

**Tuan Wong Chen:** *Because this person who has been a witness...*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I am aware of this issue. That is one of the reasons why I have decided to adopt the Treasury punya latest circular. So that way, I get to rein him in.*

**Tuan Wong Chen:** *Now, this PAC here listens to everybody with the good faith that they are telling the truth and has taken an oath, right? But we are worried if this practice does happen at this level. It should not be happening in the Malaysia baharu. Let's put it that way ya.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *But actually, to be very honest with you, I have already caution him about those sort of things lah.*

**Tuan Wong Chen:** *You keep referring to "he". Who are you referring to?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I mean the Chairman. Sorry.*

**Tuan Wong Chen:** *Okay, you do not speak with the Minister directly, right?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I don't but my dealing with him are just...*

**Tuan Wong Chen:** *But the allegation is towards the Minister, not towards the Chairman.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I do not know about the allegation towards the Minister but I did caution the Chairman that he should not be using the company's fund for purposes other than the company's interest.*

**Tuan Wong Chen:** *Of course. Was there an event that you know in Sheffield at that particular time that EMGS was doing?*

**Tuan Pengerusi:** *EMGS punya event.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I do not know of any such events.*

**Tuan Wong Chen:** *But the Chairman did tell you that it was for EMGS event in Sheffield?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Ya, I take it in good faith because I just came in after the event.*

**Tuan Wong Chen:** *Okey, ya, ya. We do not want to put you in too much of a spot where you don't— when you were not there, it is not fair lah to ask you. That we understand. Okay, thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Lagi? Ada soalan-soalan lain? Yang Berhormat Permatang Pauh?*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *Tuan Pengerusi, saya mungkin hendak tanya tentang bila bergerak ke hadapan, ada kes mahkamah. Pendirian kementerian, those of you here, the position that it is anak syarikat kementerian. Akan tetapi daripada kenyataan AG tadi, nampak sedikit longgar.*

Jadi, kebimbangan saya bila bercakap tentang kontrak yang sangat berat sebelah dan implikasi kewangannya besar dalam usaha untuk perbaiki tadbir urus— *I can see the efforts that has been taken.* Mungkin hendak dapatkan lagi pendirian muktamad daripada AG. *Is that how you view all the companies that is under the purview of the ministry? Or is it going to be dependent*

*on the outcome of the case with no involvement from your end whether informally* ataupun dari segi maklum balas dan sebagainya? *This is quite important* lah kerana, pada saya, bila ke hadapan kita ada wakil MoF yang diminta untuk memberi sedikit panduan dan kita juga ada wakil kementerian yang diminta duduk dalam *board*, tetapi dari segi *now it has become this legal battle, I need to know more from the AG Chambers*.

**Tuan Kamal Azira bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Kita tertakluk kepada Akta Prosiding Kerajaan 1956 di mana di situ pihak Jabatan Peguam Negara akan mewakili pegawai-pegawai awam dalam kes-kes mahkamah.

Dalam kes-kes yang melibatkan syarikat— dalam kes ini contohnya, EMGS adalah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Jadi, ia bukanlah pegawai awam di bawah undang-undang ataupun menurut peruntukan Akta Prosiding Kerajaan 1956 di mana AG boleh mewakili. Melainkan ini adalah pegawai awam, dan di situ kita akan mewakili kementerian, pegawai-pegawai di kementerian ataupun di jabatan. Melainkan pihak kementerian atau jabatan dinamakan sebagai pihak di dalam kes ini, barulah pihak Jabatan Peguam Negara ataupun Peguam Persekutuan atau Peguam Kanan Persekutuan akan mewakili dalam prosiding tersebut.

Saya tidak dapat maklumat sepenuhnya tentang perkara ini tetapi apa yang saya lihat ialah melibatkan syarikat sahaja iaitu EMGS dan berdasarkan fakta tersebut, saya tidak fikir yang AGC boleh mewakili dalam prosiding tersebut. Melainkan, macam saya cakap tadi, kementerian dijadikan pihak.

Begitu juga dengan *statutory body* di mana *statutory body* ataupun badan berkanun yang mempunyai akta tersendiri, *so*, mereka juga akan diwakili oleh peguam bela masing-masing dan bukannya oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Ini adalah jelas sebenarnya. Itu yang saya dapat bantu buat masa ini, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanyakan sedikit sahaja tentang fakta? Terima kasih, AGC ya. Maka dalam kes ini, disebut plaintif Muammar Gadaffi, defendan *of course* EMGS termasuk juga Dato' Rujhan. Dato' Rujhan sekarang di bawah MEA. Maksudnya, masih lagi diterma sebagai kakitangan kerajaan lah. Jadi, saya nampak— okey, maksudnya beliau di saman atas kapasiti individu, *I guess, but as a third party. It is a good test case to know what to do in the future*. Maksudnya, AGC pun melihat ini sebagai kes yang berasinganlah. Baik.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Kamal Azira bin Hassan:** Boleh saya tambah sedikit, Tuan Pengerusi? Kita kena lihat sama ada kapasiti yang berkenaan itu sama ada sebagai pegawai awam ataupun hanyalah sebagai pengarah syarikat. Kalau pengarah syarikat, ia masih lagi tertakluk kepada MoA syarikat

ataupun *board of directors*. Melainkan dia di saman atas kapasiti sebagai pegawai awam, *then* barulah AGC akan mewakilinya. Okey, terima kasih.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Selama ini saya sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang negara, kalau setiap kali melibatkan syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Malaysia, sebagai contohnya macam 1MDB, sekarang EMGS, walaupun ada lembaga pengarah, sepatutnya lembaga pengarah punya tanggungjawab adalah tertakluk kepada Akta Syarikat Malaysia dan di situ sangat berat. Kalau tidak berlaku apa-apa yang terbaik bagi pemegang saham dalam isu ini, memang Kerajaan Malaysia adalah satu daripada pihak yang ada *interest*. Itu adalah satu kesalahan yang sangat besar tapi apa yang saya tengok, saya tidak nampak lembaga pengarah seperti ini ya, bertindak secara bebas dan berani untuk *act without fear and favour*.

Saya nampak ia ada, kita kata, campur tangan dari Menteri. Jadi macam memaksa sesuatu tindakan ataupun keputusan diambil oleh lembaga pengarah. Akan tetapi, saya berharaplah semua mesti diingatkan, kita dalam Malaysia Baharu, kita mesti sentiasa menjaga kepentingan rakyatlah, bukan seseorang di dalam kementerian. Jadi, semua kena bertindak secara profesional. Inilah yang saya hendak ingatkan kepada semua yang sudah dilantik atau kalau dilantik pun kerana *you* sudi untuk menerima tanggungjawab itu.

Saya berharap ini akan jadi satu peringatan dan juga satu pengajaran kepada semua yang duduk dalam lembaga pengarah di syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Malaysia yang ada kepentingan dari Kerajaan Malaysia. Itu sahaja daripada saya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya pun hendak mencadangkan supaya MACC untuk masuk membuat siasatan mengenai penggunaan kad kredit di Sheffield ya. Okey, kalau tidak ada...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Ada satu lagi. Saya hendak semak sama ada tadi— sebab *the allegation* itu, pelantikan Encik Shahinuddin sebagai CEO dipertikaikan oleh *the former CEO*. *Can you explain the process how did you take over? Who actually endorsed you? Because, at least to be fair, we want to hear from both sides.*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *I think it is on the board's minutes. In the board minutes* ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *But at least you explain, for the record?*

**Encik Shahinuddin bin Shariff:** *Sorry? I have already explained that in the last proceedings. I believe that is quite... [Disampuk] Ya, about this matter.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, kalau tak ada apa-apa lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada KPM, kepada TKSU, kepada Ketua Pengarah, kepada CEO di atas kehadiran ke mesyuarat PAC pada hari ini.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.50 tengah hari]***